

**14/12/2016 - Majlis Penyerahan Surat Tawaran Dan Ramah Mesra KSN di Projek Perumahan  
Penjawat Awam (PPA1M) Residensi Bayu Andaman Bandar Baru Sentul**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia

Yang Berbahagia Tan Sri Othman bin Haji Mahmood  
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Datuk Seri Adnan bin Haji Md Ikshan  
Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan

Yang Berbahagia Dato' Haji Mohammad bin Mentek  
Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Yang Berbahagia Datuk Seri Haji Mhd. Amin Nordin bin Abd. Aziz  
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Yang Berbahagia Dato' Ahmad Husni bin Hussain  
Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta  
Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Yap Suan Chee  
Pengarah Urusan Kumpulan Melati Ehsan,

Yang Berusaha Encik Ismail Bin Che Hassan  
Ketua Unit PPA1M

Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Agensi Kerajaan

Rakan-rakan Media,

Dato'-Dato', Tuan-tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah izinNya dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Majlis Penyerahan Surat Tawaran dan Ramah Mesra di PPPA1M Residensi Bayu Andaman, Bandar Sentul Utama, Kuala Lumpur.

2. Kerajaan mengambil perhatian serius dan amat prihatin ke atas isu yang dihadapi oleh penjawat awam terutamanya yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah sendiri. Justeru itu, Kerajaan dibawah pimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, telah mewujudkan program perumahan khusus untuk penjawat awam iaitu Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) yang akan dibina di seluruh negara.

3. PPA1M adalah satu skim rumah mampu milik untuk penjawat awam yang bekerja dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun Persekutuan dan Badan Berkanun Negeri yang tertentu. Bagi mengurangkan risiko dan beban kewangan penjawat awam untuk memiliki rumah, program PPA1M ini dilaksanakan dengan konsep pembayaran deposit sebanyak 10% semasa menandatangani Perjanjian Jual Beli manakala baki bayaran 90% hanya perlu dibayar setelah projek siap iaitu di peringkat vacant possession.

4. Bagi penjawat awam yang berkeelayakan, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) akan membiayai 100% bayaran tersebut tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sesungguhnya, Program PPA1M dirangka oleh Kerajaan dengan keperluan rakyat

diutamakan. Elemen subsidi harga rumah merupakan komitmen Kerajaan supaya kesejahteraan rakyat daripada segi pemilikan rumah yang merupakan elemen People Economy atau Ekonomi Keperluan Rakyat, dapat dipenuhi.

Para hadirin sekalian,

5. Kerajaan telah menetapkan untuk membina 100,000 unit rumah PPA1M menjelang tahun 2018. Di peringkat awal, program PPA1M ini telah dilancarkan di Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan projek pertama di Presint 11 dan 17.

6. Susulan itu, program PPA1M ini telah diperluaskan di seluruh negara. Sehingga November 2016, sebanyak 265 projek PPA1M melibatkan 118,441 unit telah diluluskan oleh Kerajaan di seluruh negara di mana projek-projek ini sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Di bandaraya Kuala Lumpur sahaja, terdapat 15,172 unit PPA1M yang telah diluluskan untuk pembangunan termasuklah projek PPA1M Residensi Bayu Andaman, Bandar Sentul Utama, Kuala Lumpur yang dilaksanakan oleh Kumpulan Melati Ehsan.

7. PPA1M Residensi Bayu Andaman ini dibangunkan di atas tanah seluas 2.71 ekar dengan business model di mana 200 unit PPA1M dibina dengan bantuan subsidi daripada Kerajaan dan 400 unit kondominium untuk pasaran terbuka. Harga jualan rumah PPA1M ditawarkan 40% lebih rendah dari harga pasaran. Mengambil kira elemen subsidi daripada Kerajaan dan bagi memastikan jualan rumah kepada mereka yang ingin menduduki rumah yang dibeli maka moratorium dikenakan kepada pembeli rumah PPA1M selama 10 tahun. Rumah yang ditawarkan kepada penjawat awam ini berkeluasan 1,000 kaki persegi dengan spesifikasi 3 bilik tidur, 2 bilik air, balkoni, yard dan lot tempat letak kereta di samping kemasn rumah yang berkualiti.

8. Bagi memastikan keselesaan pemilik, projek ini turut menyediakan kemudahan-kemudahan yang bertaraf premium antaranya kolam renang, gimnasium, bilik permainan, taman permainan kanak-kanak, surau, dewan serbaguna, kawasan BBQ, dan kemudahan tempat letak kereta pelawat. Dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan ini, saya sifatkan

kesemua pembeli yang berjaya memiliki rumah PPA1M Residensi Bayu Andaman ini sebagai golongan yang sangat bertuah.

9. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua Agensi Kerajaan yang terlibat bagi menjayakan projek PPA1M ini. Saya telah dimaklumkan bahawa berdasarkan jumlah permohonan yang diterima, sambutan daripada penjawat awam sangat menggalakkan iaitu sebanyak 4 kali ganda yang mana hanya dalam tempoh sebulan tawaran permohonan dibuka, seramai 879 penjawat awam telah memohon. Setelah melalui proses saringan dan undian, hanya 200 penjawat awam sahaja yang layak dan berjaya ditawarkan rumah PPA1M Residensi Bayu Andaman ini. Oleh itu, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua penjawat awam yang berjaya.

10. Bagi yang tidak berjaya, jangan berputus asa kerana anda mempunyai peluang untuk memiliki rumah PPA1M di lokasi-lokasi lain. Akhir kata, usaha Kerajaan di dalam menjamin kebajikan penjawat awam tidak akan terhenti di sini sahaja, malahan Kerajaan akan turut menyediakan lebih banyak rumah PPA1M di seluruh negara, terutamanya di beberapa lokasi utama di Kuala Lumpur.

11. Dengan itu, saya mengharapkan sokongan daripada semua pihak bagi memastikan usaha murni ini akan membuahkan hasil yang terbaik kepada rakyat.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah,  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://ksn.ipm.gov.my/home.php?frontpage/speech/detail/2103>